

## BAB 2

### GAGASAN NEGARA ZIKIR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: KEJAYAAN DAN CABARAN

Norashibah binti Haji Besar

Fakulti Usuluddin

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Email: shibah\_4997@gmail.com

#### ABSTRAK

Gagasan Negara Zikir sebagai sebuah modul melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan peribadi sebagaimana peribadi Nabi Muhammad s.a.w. Ia penting bagi melahirkan tamadun material dan kerohanian dalam kehidupan moden menjelang Wawasan Brunei 2035. Gagasan negara Zikir bukan bermaksud membentuk masyarakat mengejar ukhrawi semata tetapi ia memperkuuh dan mempertinggikan keupayaan masyarakat Islam Brunei mengurus hal ehwal yang bersangkutan dengan kehidupan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu kertas kerja ini membincangkan beberapa faktor kejayaan pelaksanaan Negara Zikir Negara Brunei Darussalam di antaranya Polisi Asas Pembagunan Negara Zikir, Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan lain-lain. Di samping itu kertas kerja ini juga menjelaskan bahawa terdapat banyak faktor dalaman dan luaran yang berkait rapat dengan cabaran dan halangan yang boleh menghalang proses pelaksanaan Negara Zikir secara berkesan. Ia meliputi soal kurangnya kefahaman dan penghayatan keagamaan, keruntuhan institusi kekeluargaan serta penguatkuasaan hukuman yang kurang memberikan kesan. Kesimpulannya, Negara Zikir adalah kerajaan Islam bukan kerajaan agama (teokrasi) atau kependetaan. Buktiunya adalah sebuah kerajaan sivil dan moden yang menjadikan syariat Islam sebagai dasar dan landasan perundangan yang tertinggi.

**Kata Kunci:** Gagasan, Negara Zikir, Wawasan Brunei 2035, MIB.

#### 1.0 PENDAHULUAN

Negara Brunei Darussalam telah ditakdirkan sebagai sebuah negara Islam yang merdeka dan berdaulat. Kesinambungan ke arah negara yang diberkati ini telah diperkuuhkan lagi dengan berkat kepimpinan Ke bawah Duli Yang Maha mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mucizzaddin Waddaulah Sultan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan yang ke- 29, yang telah menerajui negara lebih 50 tahun lamanya. Ini divisualisasikan dalam konteks perkembangan kemajuan dan negara yang dilandasi oleh dasar dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Baginda Sultan berazam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir ke arah manifestasi pengukuhan kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan yang berlanjut.

Perlu dijelaskan bahawa, keempat-empat kompenan iaitu kemunculan Islam di

Brunei (abad 10 Masihi) Pg Hj Mohammad (2005: 36), institusi kesultanan Islam di Brunei (awal abad ke- 15), Islam sebagai agama rasmi (1959) (Perlembagaan dan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (Titah: 1984), merupakan rentetan kronologi yang mendukung wujudnya inspirasi dan hasrat ke arah Negara Zikir. Terdapat beberapa kajian menjurus kepada konsep pendekatan membangun sesebuah negara Islam berkonseptan al-Qur'an dan al-Sunnah khususnya di Nusantara sebagai satu model kehidupan (Jaffary Awang 2009; Mohd Izhar Ariff & Alias Azhar 2010 dan Masuriyati Yahya & Che Zarina Sa'ari 2016). Antara beberapa model pendekatan yang diperkenalkan adalah seperti masyarakat madani, Islam Hadhari, Ummatan Wassatiyyatan dan Negara Zikir.

Negara Zikir merupakan suatu gagasan yang bertujuan menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berorientasikan pembinaan hubungan ingatan dan kepatuhan manusia dengan keredaan penciptanya dari aspek siasah, ekonomi, sosial, pertahanan dan lain-lain. Ia juga merupakan salah satu pendekatan pembangunan masyarakat berteraskan negara Islam yang diilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasanal Bolkiah.

Pelaksanaan sebuah Negara Islam yang baik dan direhdai Allah s.w.t harus didokong oleh individu dan masyarakat yang mantap. Mereka perlu mempunyai kefahaman dan penghayatan Islam yang jitu dan mapan. Negara Islam yang baik perlu didokong oleh individu dan masyarakat yang sentiasa hatinya kuat untuk menghayati Islam. Ciri-ciri Negara Zikir merangkumi dua aspek iaitu kefahaman dan penghayatan. Dari segi kefahaman ia meliputi aspek ilmu pengetahuan, akhlak mulia, Amr maaruf nahi mungkar, membangun negara dan mempertahankan tanahair. Sementara dari sudut penghayatan ia merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak (Pusat Dakwah Brunei Darussalam 2008).

## 2.0 FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN GAGASAN NEGARA ZIKIR

Dijelaskan bahawa faktor kejayaan Gagasan Negara Zikir berkaitan dengan pelaksanaan Negara Zikir, yang mana faktor kejayaan ini adalah terhasil dari laporan dapatan kajian yang dijalankan oleh pihak pengkaji. Hasil dapatan kajian menggunakan kaedah tinjauan deskriptif. Pendekatan yang digunakan untuk mengumpul maklumat dalam kajian deskriptif ialah dengan menggunakan soal selidik dan juga temubual berprotokol (Johnson & Christensen 2005). Data diperoleh melalui borang soal selidik yang dijawab oleh 390 orang responden. Mereka terdiri daripada kakitangan jabatan-jabatan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Negara Brunei Darussalam. Kesemua soal selidik bagi 390 orang responden ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 22. Analisa dibuat secara deskriptif dengan statistik yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap kefahaman dan penghayatan konsep negara Zikir, interpretasi dibuat berdasarkan seperti tata cara dalam pengiraan sela jeda yang dibina oleh Bahaman dan Turiman (1999) dan mengikut rumusan yang disarankan oleh Nunally (1978). Selain itu, kaedah temubual juga digunakan dalam kajian ini bagi mengukuhkan dapatan kajian khususnya berkaitan dapatan deskriptif tentang aspek penghayatan terhadap konsep negara Zikir.

Di antara faktor-faktor kejayaan tersebut seperti berikut:

### **Polisi Asas Pembangunan Negara Zikir**

Kajian mendapati pelaksanaan Negara Zikir merupakan satu langkah awal menjayakan teori Negara Ideal al-Qardhawi (1996). Ini kerana pelaksanaan Negara Zikir telah menerapkan elemen utama kenegaraan Islam iaitu menjamin keselamatan dan menjaga kepentingan semua masyarakat yang bernaung di bawah pemerintahan Sultan Brunei sebagai imam atau khalifah negara. Selain itu, sistem pentadbiran melalui konsep Negara Zikir telah berjaya sedikit sebanyak dikembang dan diubah suai dengan perkembangan umat Islam di Brunei. Beberapa faktor yang bersifat tempatan seperti amalan tadarus alQur'an, bacaan ratib, majlis Bacaan Yaasin dan tahlil serta amalan-amalan menyambut hari kebesaran Islam jelas menjadi antara faktor yang mendokong kesatuan umat Islam di negara ini. Kajian turut mendapati pemerintahan Brunei melalui pelaksanaan Negara Zikir telag bersikap keras dan tegas di dalam perkara-perkara prinsip seperti pelaksanaan Undang-undang Islam dalam usaha melaksanakan hukumkan hudud, namun dalam masa yang sama pentadbiran Islam bersikap amat lemah lembut dan bertolak ansur khususnya dalam perkara furu' dalam tujuan menarik minat golongan yang belum sepenuhnya menghayati ajaran Islam. Jelasnya, pemerintah melalui KHEU sentiasa memberikan keimbangan antara ketentuan hukum syarak dengan tuntutan hidup masa kini untuk kebaikan kehidupan masyarakat Islam Brunei sebagai persiapan menghadapi datangnya masa depan yang lebih cerah.

Negara Zikir (NZ) merupakan salah satu pendekatan pembangunan masyarakat berteraskan negara Islam yang diilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasnah Bolkiah. Baginda. Analisis dilakukannya terhadap titah-titah baginda sultan yang berkait dengan NZ dalam 3 majlis yang berasingan iaitu pada 19 Disember 2007, 26 Julai 2008 dan 1 Mac 2012 mendapati tiga elemen asas dalam hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan alam sekitar. Menurut Mohd Shukri Hanapi (2015) acuan tasawur NZ ini berdasarkan tujuh pola utama iaitu; i) tauhid sebagai paksi, ii) ibadah sebagai perkaedahan pembangunan, iii) manusia sebagai hamba dan khalifah, iv) manusia sebagai pelaku pembangunan, v) sumber alam sebagai alat pembangunan, vi) seimbang antara dunia dan akhirat, dan vii) bermatlamatkan untuk mencapai keredhaan Allah.

Pembangunan Negara Zikir merupakan salah satu daripada pendekatan berteraskan Islam untuk mendapatkan berkat dan rahmat zikir kepada Allah. Ia merupakan suatu gambaran berbentuk komprehensif dan hakiki yang menjelaskan ciri-ciri konsep Islam secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas kepada segala aktiviti pembangunan dalam kehidupan. ia juga dibina berdasarkan sumber utama epistemologi Islam iaitu al-Qur'an dan Sunnah dengan 3 elemen asas iaitu Allah sebagai pencipta, manusia sebagai makhluk dan sumber alam sebagai makhluk juga. Selain itu, pembentukan gagasan NZ adalah bertunjangkan tauhid dalam tempoh masa tertentu iaitu alam roh, alam dunia dan alam akhirat serta bermatlamatkan mencapai redha Allah (al-Baqarah 2: 152; al-Baqarah 2: 207 dan al-Araf 7: 96). Justeru, pembangunan NZ merupakan pembangunan sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran-ajaran Islam. Ia menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dan amalan dalam segenap aspek kehidupan agar nikmat dan keberkatan sentiasa memayungi negara Brunei Darussalam. Malah, acuan pembangunan NZ ini istimewa kerana ia adalah berakar umbikan epistemologi Islam dan tidak bercampur aduk dengan falsafah barat mahupun bersifat retorik, tempelan atau solekan sahaja. Ia adalah berpaksikan sumber Islam dalam kerangka falsafah

pembangunannya. Justeru ia akan memudahkan pelaksanaan komponen pembangunan di peringkat operasionalnya.

Rumusannya, kajian ini mendapati beberapa asas kekuatan pelaksanaan Negara Zikir melalui polisinya iaitu:

- i. Menjadikan Brunei sebagai sebuah negara maju dan makmur berdasarkan undangundang Islam selaras dengan perkembangan negara maju 2035.
- ii. Konsep negara zikir itu bukanlah masyarakatnya hanya bertasbih dan berzikir kepada Allah s.w.t tetapi ia mencakupi aspek kehidupan yang pelbagai. Namun zikir menjadi paksi dan asas menjalani kehidupan supaya setiap individu dan masyarakat mendapat rahmat dan berkat daripada zikrullah.
- iii. Semua bentuk aktiviti yang tujuannya mendekatkan diri kepada Allah dan mengingati Allah s.w.t seperti solat dan lain-lain sama ada dengan hati, lisan dan perbuatan dalam setiap masa, tempat dan keadaan. Tegasnya, roh segala amal ibadah adalah zikrullah.
- iv. Negara yang menjunjung tinggi ajaran Islam dengan menjadikannya sebagai panduan dan amalan kehidupan beragama supaya nikmat, rahmat dan keberkatan melindungi negara dalam konsep 'baldatun taiyibatun wa rabbun ghafur'.
- v. Sebuah negara Islam yang melaksanakan segala tuntutan al-Qur'an dan as-Sunnah dalam segenap aspek kehidupan meliputi kepimpinan, pentadbiran, politik, undangundang, keadilan, kesederhanaan, sistem sosial, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi.
- vi. Negara yang diasaskan oleh tiga matlamat utama iaitu; a) penduduk negara Brunei disukai Allah dan sentiasa mendapat pertolonganNya; b) kecemerlangan negara Brunei meliputi pembangunan negara dan warga Brunei; dan c) memperkuuh kedudukan Islam melalui undang-undang.
- vii. Prinsip-prinsip negara Zikir meliputi; a) tauhid sebagai paksi; b) ibadah sebagai perkaedahan pembangunan; c) manusia sebagai hamba dan khalifah sebagai pelaku pembangunan; d) keseimbangan dunia dan akhirat; dan e) matlamat mencapai redha Allah.

Kesimpulannya, gagasan Negara Zikir sebagai sebuah modul melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan peribadi sebagaimana peribadi Nabi Muhammad s.a.w. Ia penting bagi melahirkan tamadun material dan kerohanian dalam kehidupan moden menjelang Wawasan Brunei 2035. Ia adalah saranan untuk menjadikan negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diberkati kerana keterikatannya dengan Allah s.w.t dan juga hasrat membentuk masyarakat sentiasa ingat dan taat kepada Allah s.w.t (Surah al-Baqarah 2:152). Negara Islam yang baik perlu didokong oleh individu dan masyarakat yang sentiasa lidah dan hatinya kuat untuk menghayati Islam. Islam perlu direalisasikan sebagai suatu cara hidup dengan mempertinggikan syiar Islam melalui ketinggian keilmuan fardu Ain dan fardu kifayah secara bersama. Gagasan negara Zikir bukan bermaksud membentuk masyarakat mengejar ukhrawi semata tetapi ia memperkuuh dan mempertinggikan keupayaan masyarakat Islam Brunei mengurus hal ehwal yang bersangkutan dengan kehidupan dunia dan ukhrawi.

### **Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB)**

Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah sebuah kerajaan yang mengamalkan Falsafah MIB. Kedudukan Islam sebagai agama rasmi turut meliputi kedudukan Muslim sebagai bangsa yang mendapat keistimewaan dan kedudukan yang tinggi dalam negara. Islam dalam konteks NBD adalah beracuankan mazhab Ahl Sunnah Wal Jamaah dari segi usuluddin dan mazhab al-Syafiyyah dalam

bidang syariah. Kenyataan ini diakui oleh responden dalam kajian ini yang menyatakan bahawa kekuatan pelaksanaan negara zikir itu terletak kepada kejayaan pemahaman dan penghayatan Islam sebagai agama rasmi. Hal ini seperti yang dinyatakan :

*“Negara Zikir itu antara lain bermaksud Negara yang menjadikan agama Islam sebagai pegangan rasmi penduduknya, Islam sebagai pegangan pentadbiran meliputi sosialnya sosial Islam, ekonominya ekonomi Islam, pertahanannya pertahanan Islam dan pendidikannya pendidikan Islam. Walaupun terdapat juga dalam Negara Zikir itu golongan yang bukan Islam sebagai warga negara yang bebas mengamalkan agama masing-masing tanpa disekat atau dihalang tetapi dengan syarat amalan ugama mereka itu dibuat tanpa menzahirkan kepada penduduk Islam yang mana majoriti dibuat arrr tanpa menzahirkan kepada penduduk Islam dan dibuat tanpa menzahirkan simbol-simbolnya, bunyi-bunyinya macam umpamanya loceng gereja ataupun arah cina yang bising-bising ituakah apakah dan ibadat itu umpamanya kalau mereka ada sambutan-sambutan atau perayaan mereka tidak akan menzahirkannya kepada umat Islam”. (P4)*

Menurut Awang Yahya (2000) kedudukan Islam di Negara Brunei Darussalam ditunjangi oleh kepimpinan yang mantap mirip sistem kerajaan Islam Madinah menjadi paksi pemerintahan negara dan berupaya mengawal keseluruhan sistem pentadbiran dan pengurusannay. Justeru kedudukan Sultan yang memayungi tampuk pemerintahan negara dan Islam yang dilaksanakan sebagai suatu cara hidup merupakan kekuatan terhadap pelaksanaan Negara Zikir. Ini disokong oleh kenyataan di bawah ini.

*“Negara Zikir ialah negara yang sentiasa mengingati dan mengagungkan Allah s.w.t, mendaulatkan hukum dan undang-undang syariatnya agar rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa berada dalam rahmat dan pemeliharaan Allah s.w.t dan ini bertepatan dengan falsafah negara ini Melayu Islam Beraja”. (P1)*

Falsafah MIB ini didukung dengan peranan institusi beraja sebagai khalifah fil aradh dengan Sultan sebagai tampuk pemerintahan tertinggi dalam hierarki kepimpinan. Peranan institusi beraja ini dapat dilihat melalui kejayaan baginda Sultan menjana ekonomi NBD. Sebagai contoh beberapa perkara yang telah dilaksanakan pada tahun 2002 iaitu; a) NBD mampu mencatat pertumbuhan ekonomi positif 1.6 %, b) mewujudkan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara seperti Darussalam Asset Sdn. Bhd., c) menyelaras sistem pelesenan perniagaan, d) menurunkan cukai korporat kepada 20 %, e) menguatkuasakan akta hak cipta dan paten, dan f) meningkatkan peratus pekerjaan anak tempatan dalam bidang minyak dan gas. Peranan kerajaan juga terserah melalui usaha yang teguh dalam bidang keagamaan. Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2012-2017 sebanyak lebih BD100 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan masjid-masjid baru, program pengimaranan dan membina reka bentuk masjid dengan corak yang lebih maju. Pada tahun 2013, Perintah Hukum Jenayah Syariah telah dikuatkuasakan. Akta ini bertujuan untuk memenuhi hasrat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Ahl Sunnah Wal Jamaah sebagai satu cara hidup dan landasan pentadbiran kerajaan Brunei. Akta ini telah meminda akta Majlis Ugama Islam Mahkamah-mahkamah Kadi 1984 di samping memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar dan menutuskan sesuatu kesalahan jenayah. Malah kejayaan NBD adalah keupayaan pentadbirannya menangani pelbagai isu pemikiran dan kemazhaban dan ia sentiasa dalam kawalan pihak berkuasa dan pengawasan masyarakat.

## Pendidikan di Brunei

Sejarah sistem pendidikan di Brunei adalah dalam bentuk dualisme di mana pendidikan formal dari tahun 1914 hingga 1930 dikuasai oleh pendidikan sekular yang terbahagi kepada dua aliran iaitu sekolah Melayu dan sekolah Cina. Sementara pendidikan Islam diterima secara formal tahun 1931 di samping tidak dinafikan wujudnya sekolah agama aliran Arab pada tahun 1941 (Masyuriyati & Che Zarrina, 2015). Selepas itu, pada tahun 2008 NBD telah mengalami suatu anjakan paradigma dalam bidang pendidikan apabila mula melaksanakan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke 21 (SPN 21). Inovasi ini meletakkan konsep Negara Melayu Islam Beraja (NMIB), konsep Negara Zikir dan Wawasan 2035 sebagai teras utama. Terdapat 3 fokus utama iaitu; a) rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; b) kehidupan rakyat yang berkualiti; dan c) ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dasar SPN 21 adalah untuk mengekalkan keutamaan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam Sistem Dwibahasa 84, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar bagi mengantikan dengan sistem berorientasikan peperiksaan.

### **Amalan Zikir Doa dan Pembudayaan al-Qur'an**

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati dua elemen ibadah mampu memperkuat keterikatan hubungan manusia dengan Khaliq dan sesama manusia dalam konsep negara Zikir Brunei Darussalam iaitu amalan zikir doa dan pembudayaan al-Qur'an. Kurniaan terbesar kepada manusia adalah al-Qur'an. Melaluinya manusia belajar mengenali Allah melalui al-Qur'an secara tidak langsung. Salah satu ibadah yang menunjukkan kasih sayang Allah kepada hambaNya adalah doa (Ghafir: 40: 60; al Baqarah 2:186). Doa adalah suatu pengharapan dan bukannya tuntutan (Muhibbuddin Waly 2007). Ini kerana ia adalah suatu bentuk pengabdian antara hamba dengan KhaliqNya. Bahkan Nouman Ali Khan (2015) menyarankan umat Islam agar menjadi lebih optimistik dan positif apabila berdoa. Ini kerana menurutnya, Allah s.w.t mengharapkan semua manusia agar bertanya mengenaiNya. Dengan lain perkataan, Allah s.w.t sedang menunggu kita untuk bertanya mengenai diriNya walaupun untuk sekurangkurangnya sekali sahaja. Allah s.w.t tidak pernah putus asa pada manusia.

Selain itu, keistimewaan bagi manusia yang beriman adalah mereka sering didoakan dengan penghormatan dan kebaikan oleh para malaikat (Shihab 2012).. Beliau membuat tafsiran dan huraian ke atas beberapa ayat al-Qur'an (Surah Al-Syura 42: 5; Surah al-Mu'minun 23: 7-9; dan Surah al-Ahzab 33:43). Menurutnya, adakalanya Malaikat bertasbih dengan memuji TuhanNya serta memohon ampun untuk makhlukmakhluk yang ada di bumi. Malah mereka turut berdoa supaya manusia dikeluarkan daripada kegelapan menuju cahaya yang terang benderang. Tegasnya, malaikat amat mengasihi mereka yang mendekatkan diri kepada Allah. Sebagai contoh malaikat sentiasa mendoakan kebaikan mereka yang berasa dalam majlis ilmu dan zikir serta majlis yang berkaitan dengan pembacaan al-Qur'an.

Pembudayaan al-Qur'an menjadi satu elemen kekuatan dalam Negara Zikir. Ini kerana al-Qur'an itu adalah mukjizat dan berupaya membentuk cara manusia berfikir dan bertindak selaras dengan panduan al-Qur'an. Sebagai contoh, al-Qur'an dipenuhi dengan kisah-kisah penting dalam agama Islam. Namun Allah s.w.t tidak memberikan maklumat yang terlalu terperinci. Allah menceritakan sesuatu kisah secara ringkas. Tetapi apa-apa sahaja yang Allah s.w.t pilih untuk dimasukkan ke dalam al-Qur'an mempunyai nilainilai yang penting. Tegasnya, Allah s.w.t mengajar manusia supaya bijak meletakkan prioriti dalam sesuatu perkara yang ingin dilakukan.

Selain itu, manusia yang sering membaca al-Qur'an dan berfikir berpandukan landasan al-Qur'an akan menjadi manusia yang lebih yakin dengan perjalanan hidupnya di dunia (Nouman Ali

Khan 2015). Ini kerana mereka yakin bahawa hanya Allah yang mengawal hidup dan mati mereka dan boleh menyelamatkan mereka dengan cara yang mereka tidak sangka. Selain itu, mereka yang menjadikan al-Qur'an sebagai panduan akan yakin bahawa semua perkara yang mereka pelajari dalam agama Islam mendatangkan kebaikan kepada mereka dan dapat membantu meningkatkan iman dan amal. Mereka akan menjadi manusia yang sering menjauhi perkara-perkara yang tidak berfaedah dan meletakkan keutamaan (prioriti) dalam melakukan sesuatu perkara. Justeru perbincangan ilmiah yang dianjurkan adalah berdasarkan apa-apa yang telah Allah nyatakan dengan jelas dan terang dalam al-Qur'an bukannya perkara yang tidak masuk akal atau sesuatu yang tidak penting. Bahkan al-Qur'an itu adalah Petunjuk yang mempunyai banyak ibrah dan pengajaran.

Konsep Negara Zikir menjelaskan impak menyebut dan mengingat Allah ke atas negara dan hubungkaitnya dengan gagasan membentuk masyarakat yang sentiasa ingat serta taat kepada Allah s.w.t dan menjadikan Brunei sebagai sebuah negara berkat kerana keterikatannya dengan Allah s.w.t Kesungguhan suasana mengingati Allah ini jelas ditunjukkan melalui pendekatan zikrullah dalam dua majlis pemasyhuran Perlembagaan NBDS 1959 dan 2004 (pindaan). Sebagai contoh amalan zikrullah diterapkan dalam majlis pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei 1959 yang dimulai dengan menyebut basmallah, diringi dengan tahmid, selawat dan salam. Selain itu, amalan memartabatkan Hari Kebesaran Islam, tradisi pengajian ilmu agama dan tradisi zikir membantu menyubur lagi penghayatan dalam beramal dan taat agama sebagai sebahagian dari nilai-nilai budaya kehidupan masyarakat Negara Melayu Islam Beraja ini. Malah amalan ibadat harian seperti membaca al-Qur'an dan zikir doa didapati mampu menyumbang kepada peningkatan ketiga-tiga domain kecerdasan emosi seseorang iaitu kesedaran kendiri, regulasi kendiri dan motivasi kendiri ( Mohd Sabri et al 2010). Ini diakui oleh responden R 2 seperti berikut; -

*"Jadi melihat daripada titah ini, saya melihatkan sebagai KPI yang saya faham la... Negara Zikir yang dititahkan oleh KDYM itu ermm mungkin dia punya definisinya barangkali ada pelbagai pentakrifan tapi apa yang saya faham ialah yang mungkin sudah pun tercapai dan akan tercapai iaitu; -*

- 1) *Perkataan zikir itu ia bermaksud adalah al-Qur'an seperti mana yang kita maklum bersama bahawa al-Qur'an itu namanya al-Zikr dalam surah al-Anbiya' ayat 30 itu kan.... 'haza zikrun mubarakun anzalna' (membaca ayat). Jadi alQur'an itu adalah namanya al-Zikr seperti mana yang disebut oleh Dr. Ahmad alTantawi mantan Sheikh al-Azhar. Jadi kalau konteksnya Negara Zikir itu adalah Negara al-Qur'an seperti mana juga pernah diceramah oleh YB Mufti kalau rakyat negara Brunei ini pandai membaca al-Qur'an semua tidak syak lagi bahawa negara Brunei ini adalah negara Zikir. Itu sebagai KPI la. Lagi satu juga untuk menyokong Negara Zikir itu sudah pun ada yang disebut sebagai akta pendidikan ugama wajib sudah pasti pada masa mendatang keciciran orang belajar ilmu ugama pasti akan pandai membaca al-Qur'an. Jadi itu Negara Zikir kalau itulah yang saya faham. Kedua ialah dan adanya inisiatif-inisiatif lain daripada pelbagai pihak, kerajaan mahupun swasta malah dari segi tafsirul quran, tilawah al-Qur'an malah dari segi tadabbur al-Qur'an dan sebagainya program-program sokongan lah.*
- 2) *Kalau negara Zikir tu KPI nya adalah doa, definisinya doa seperti mana Sheikh Abdul Mahmud juga mantan Sheikh Al-Azhar dalam bukunya al-Du'a' alMustajab kan tu, zikir ertinya adalah sinonim dengan doa iaitu doa juga. Ertinya doa ini kan berdoa kepada Allah s.w.t seperti mana kitani lazimnya di Brunei memang doa itu sentiasa dipanjatkan dan banyak sekali doa-doa tu bukan sahaja di peringkat errr apa nama semua peringkat la masjid-masjid lantikan daripada imam-imam, pegawai-pegawai masjid mesti membaca doa peliharakan sultan dan Negara Brunei Darussalam, untuk seluruh*

*muslimin dan muslimat juga kemudian di sekolah-sekolah diajarkan doa-doa, di pejabat-pejabat pun ada doa sebelum bertugas dan ada lagi doa selepas bertugas, lain-lain lagi doa individu. Malah kalau majlis-majlis kenegaraan memang ada doa, dimulakan dengan al-Fatihah dan doa, tidak pernah dilihat di Brunei ini tidak dibaca doa. Ertinya doa selamat di kampung-kampung, masyarakat malah adanya doa balik haji, balik haji pun ada doa di airport umapamanya. Semua, jadi kalau kita pakai Negara Zikir itu negara yang banyak berdoa kepada Allah s.w.t barangkali jelas bahawa hasrat KDYM itu sudah pun dicapai itu, dua KPI itu. Jadi secara umumnya, konsep Negara Zikir dalam kehidupan kalau diluaskan itu dalam amalan falsafah MIB yang sentiasa mengingat dan mensyukuri nikmat Allah s.w.t supaya dapat mewujudkan sebuah kehidupan yang aman damai sentiasa dilindungi dan diredhai oleh Allah s.w.t dalam titah tu tidak syak lagi tu. Membaca al-Qur'an dan berdoa itu senjata orang yang beriman."*

Malah antara aktiviti yang kerap dan diberi penekanan oleh jabatan-jabatan setiap hari adalah aktiviti membaca doa dan membaca al-Qur'an. Amalan memertabatkan Hari Kebesaran Islam, tradisi pengajian ilmu agama dan tradisi zikir sedikit sebanyak telah membantu menyuburkan lagi penghayatan dalam beramal dan taat beragama sebagai sebahagian daripada nilai-nilai budaya kehidupan masyarakat negara Melayu Islam Beraja yang menyumbang kepada kesejahteraan negara Brunei Darussalam.

Ringkasnya, kajian turut mendapati kerajaan Islam Brunei bukan kerajaan agama (teokrasi) atau kependetaan. Buktinya, kerajaan Islam Brunei melalui pelaksanaan Negara Zikir adalah sebuah kerajaan sivil dan moden yang menjadikan syariat Islam sebagai dasar dan landasan perundungan yang tertinggi. Pengetahuan dan kefahaman kepada syariat Islam bukanlah terhad milik seseorang ataupun satu golongan manusia sahaja. Pentadbiran Islam di Brunei juga telah berjaya melaksanakan tuntutan penjagaan kepentingan agama iaitu agama adalah salah satu daripada hukum darurat yang lima yang wajib dipelihara mengikut ajaran Islam (agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda).

### 3.0 CABARAN PELAKSANAAN NEGARA ZIKIR

Isu dan cabaran adalah ujian yang disediakan Allah s.w.t untuk sama ada menambahkan kekuatan atau menguji kekuatan sedia ada. Kedinamikan dan kepasifan sesuatu masyarakat dan negara bergantung kepada kekuatan dan kelemahan mereka menghadapi cabaran dan ujian tersebut. Terdapat banyak faktor dalaman dan luaran yang berkait rapat dengan cabaran dan halangan yang boleh menghalang proses pelaksanaan Negara Zikir secara berkesan. Ia meliputi soal kurangnya kefahaman dan penghayatan keagamaan, keruntuhan institusi kekeluargaan serta penguatkuasaan hukuman yang kurang memberikan kesan. Penjelasannya adalah seperti berikut:-

#### Sikap dan Kepedulian Masyarakat terhadap Konsep Amar Ma'ruf Nahi Mungkar

Kajian ini mendapati sikap keprihatinan masyarakat belum berada ditahap yang memuaskan. Namun responden amat berminat dengan konsep Negara Zikir yang diperkenalkan secara keseluruhannya dan bersedia untuk melaksanakannya. Ini jelas menunjukkan bahawa kakitangan KHEU perlu diberikan lebih banyak input dan latihan berkaitan soal penghayatan keagamaan.

Konsep keprihatinan dan kepedulian seseorang individu terhadap sesuatu perubahan polisi atau dasar dalam sesebuah organisasi dan masyarakat adalah sebagai suatu perasaan, pemikiran, dan reaksi terhadap sesuatu perubahan yang relevan dengan pekerjaan sehari-hari mereka (Mohd Mazhan 2013). Kepedulian seseorang individu itu akan mempengaruhi kejayaan pelaksanaan dan intervensi yang mereka perlu laksanakan dalam menerima dan mengadaptasi sesuatu perubahan. Dalam Islam, konsep kepedulian ini dijelaskan dalam konteks 'umat Islam itu bersaudara'. Sebuah hadith yang dilihat sebagai paksi dalam Islam yang sesuai untuk dikaitkan dengan konsep kepedulian dalam masyarakat adalah hadith ke-7 dalam bab agama itu nasihat:

ان النبي ﷺ قال: الدين النصيحة

bermaksud:

Daripada Abu Ruqaiyah Tamim bin Aus Ad-Dari Radhiyallhu 'anhу, bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: "Agama itu adalah nasihat".

Fenomena ini diakui oleh responden R 3 dalam kajian ini. Antara bukti yang dinyatakan ialah-

*"Memang di mana-mana ada err antara cabaran dan halangan atau rintangan bagi mencapai dan merealisasikan negara ke arah Negara Zikir ialah kurangnya sambutan daripada orang ramai terhadap majlis-majlis ataupun aktiviti-aktiviti keagamaan yang diadakan atau dianjurkan oleh pihak masjid ataupun pihak-pihak yang menganjurkan".*

Selain itu, data statistik pendaftaran kes jenayah bagi mahkamah-mahkamah rendah syariah di Brunei Darussalam dari tahun 2011 sehingga 2015 mendapati bahawa kes khalwat mendominasi kes lain. Jelasnya, walaupun responden dalam kajian ini dilihat mempunyai pengetahuan yang tinggi dari segi kefahaman konsep Negara Zikir, namun mereka dilihat tidak berusaha untuk mempertingkatkan keprihatinan berkaitan penghayatan keagamaan dengan menggunakan daya usaha mereka sendiri. Mereka sudah memiliki tahap kefahaman dan keyakinan dalam melaksanakan tanggungjawab berkaitan Negara Zikir, namun mereka belum cukup kuat untuk berdakwah dan menyebarluaskan kepada orang lain.

### Cabaran Mengelalkan Amalan Tradisi dan Serangan Pemikiran Luar

Umat Islam di Brunei terkenal dengan kekuatan terhadap amalan keagamaan seperti membaca al-Qur'an, doa zikir, tAhll, ratib al-Attas dan budaya kemasyarakatannya seperti gotong-royong, ziarah menziarahi dan sebagainya. Namun ia sedikit sebanyak mula diganggu gugat oleh fahaman lain seperti liberalisme, wahabiyyah, anti ASWJ dan syiah yang disebarluaskan melalui akses media sosial. Hal ini diakui oleh para responden semasa temu bual berstruktur iaitu ;

*"Barangkali kalau kitani melihat secara umum ermmm mungkin cabarannya kitani kan mengekalkanlah apa juu apa ni amalan-amalan ugama umpamanya dan juu pendidikan-pendidikan berbentuk akidah dan akhlak ini dapat kitanikekalkan itu yang cabarannya la untuk generasi baru. Dan untuk kitani memastikan akidah err pandangan-pandangan luar daripada amalan yang lazim dapat kitani elakkan juu dan kitani pun cuba mengusahakan di antara cabarannya juu perkara-perkara khilafiyah yang selalu diwar-warkan di negara-negara luar dengan kemudahan akses komunikasi masa kini. Jadi perkara tu pun secara tidak*

*langsung anilah memberi cabaran untuk memastikan amalan-amalan tu adalah sejajar jadi itu di antara cabaran-cabarannya la.” (R4)*

*“Cabaran yang paling ketara tentu sekali datang dari luar kawalan negara ini iaitu melalui penggunaan media elektronik seperti whatsapp, facebook, you tube, instagram yang mana serba sedikit mengganggu pemikiran masyarakat ini terutama golongan belia. Cabaran ini turut dirasai oleh KDYMM sendiri di dalam titahnya antara lain; Untuk lebih menjelaskan lagi mengenai dengan sistem nilai ini, kita sekarang alhamdulillah sedang diberkati oleh Allah dengan sistem pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB). MIB inilah sistem nilai kita. Di manapun kita berada MIB tetap bersama-sama dengan kita, janganlah ia disembaranakan. Menyembaranakan MIB bererti menyembaranakan sistem nilai kita. Tunjang MIB ialah ajaran Islam tulen. Jangan kita berganjak dari ajaran ini, peganglah ia kuat-kuat tanpa perlu menoleh atau melihat ke mana-mana lagi. Inilah warisan turun temurun, kita mesti berbangga dengannya. Awas ! Dunia sekarang ini macam-macam ada, termasuk ramai penjaja-penjaja ajaran atau ideologi, dengan cara yang pelbagai ada dengan cara tulisan dan tidak kurang juga melalui lisan. Fokus atau sasaran mereka ialah masyarakat, khasnya para belia dan pelajar. Moto mereka yang popular ialah pembaharuan. Mereka mengajak untuk berubah sambil menolak yang lama dengan alasa yang lama itu sudah tidak sesuai lagi dengan zaman. Beta mengingatkan kepada para pelajar khasnya dan masyarakat amnya supaya jangan cepat-cepat terpengaruh atau termakan ‘gulagula’ mereka yang beracun itu, tetapi pergilah merujuk kepada pihak-pihak berautoriti untuk mendapatkan penerangan atau kepastian yang sebenarnya”. (R5)*

## Promosi dan Penyebarluasan

Penyebarluasan dan penerangan berkaitan kefahaman dan penghayatan konsep Negara Zikir masih belum menyeluruh lagi. Sewajarnya ini dilakukan dalam segenap masyarakat di seluruh negara termasuk dalam kalangan pemimpin dan masyarakat awam. Ini diakui oleh responden iaitu;

*“...aspek kefahaman umat Islam di negara ini Negara Brunei Darussalam yang belum sepenuhnya. Kefahaman mereka belum sepenuhnya atau penghayatan mereka belum sepenuhnya termasuklah di kalangan para pemimpin umpamanya para menteri-menteri, SUT-SUT, ketua-ketua jabatan terkecualilah kementerian Hal Ehwal Ugama saya rasa, saya yakin para pemimpin di kalangan di Kementerian Hal Ehwal Ugama alhamdulillah memahami sepenuhnya apa maksud Negara Zikir tersebut, mungkin kementerian-kementerian lain bukan memandang sinis kepada kementerian lain tetapi saya yakin ada ataupun saya rasa masih ada kekurangan ataupun saya rasa masih ada kekurangan ataupun usaha yang perlu dilipatgandakan atau perlu dibuat kepada pemahaman apa maksud negara Zikir itu di kementerian-kementerian lain. Jadi untuk melaksanakan Negara Zikir itu perlu dari kalangan kepimpinan, dari kalangan pemimpin yang menerajui kementerian-kementerian yang mana jangan sampai umpamanya jangan sampai masih ada anggapan...perkara ini nipis je la pulang basar untuk contohnya lah al-amru bil makruf wa nahi anil mungkar (AMNM) untuk contohnya la, kadang-kadang diserah bulat-bulat kepada Pusat Dakwah Islamiah ataupun kalangan KHEU semata-mata seolah-olah bukan tanggungjawab masingmasing tapi sebenarnya (AMNM) adalah masing-masing ada peranan selaku*

*ketua, ada peranan selaku umat Islam seperti mana hadis Rasulullah s.a.w. (Ertinya; semua kamu adalah pemimpin dan setiap orang dari kamu , setiap pemimpin adalah dipertanggungjawakan terhadap orang yang dipimpinnya” (R1).*

## Faktor Institusi Kekeluargaan

*“Kemudian aspek kedua, ibu bapa cabarannya adalah dari ibu bapa di mana ibu bapa adalah pencorak anak-anak maka cabarannya di sini ialah untuk melahirkan ibu bapa yang betul-betul mengamalkan konsep keibubapan secara Islam iaitu mendidik anak masing-masing dengan didikan yang betul seperti mana kehendak syarak. Umpamanya mementingkan sembahyang, memukul anak mereka jika tidak sembahyang, mementingkan menjaga aurat, hal ehwal aurat dan seumpamanya. Apabila ibu bapa kesemuanya membuat aktiviti keluarga yang bahagia menurut Islam, insha Allah akan menghasilkan Negara Zikir sepenuhnya. Umpamanya sembahyang jemaah bersama, riadah bersama tetapi tanpa melupakan sembahyang, menutup aurat ditekankan betulbetul, tidak membiarkan anak masing-masing berpeleseran atau berjaur arrr umpamanya lagi mengutamakan membaca al-Qur'an sehingga khatam sekeluarga. Jadi insha Allah akan menghasilkan negara yang berkat kerana banyaknya keluarga yang berkat” (R1)*

## 4.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan dapatan kajian mengenai tahap kefahaman, tahap penghayatan dan program Negara Zikir yang dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan KHEU, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti seperti berikut;

### Menambahbaik Sikap dan Kepedulian Masyarakat

Terdapat beberapa kajian yang menjelaskan perkaitan antara sikap dengan amalan mereka dalam melaksanakan sesuatu perubahan dalam sesebuah organisasi (Rohani Aziz 2010; Siti Fatimah dan Ab. Halim 2010, Mohd Mazhan 2013). Sikap sesetengah kakitangan yang menolak sesuatu perubahan dalam organisasi dan berkonfrantasi dengan pihak atasan wajar dielakan. Menurut Mohd Mazhan (2013), terdapat beberapa halangan dalam organisasi yang boleh merencatkan inovasi perubahan iaitu; 1) tidak ingin berubah kerana sudah berpuas hati dalam zon selesa dan keadaan sedia ada; 2) rasa terancam dan kurang selamat kerana tidak yakin berupaya melakukan perubahan tersebut; dan 3) kepompong perasaan tidak cukup masa dan tiada kemudahan sebagai usaha mengelakkan penglibatan diri. Jelasnya, sikap seseorang kakitangan untuk sedia dan sanggup melakukan perubahan merupakan asas penting dalam menentukan sama ada mereka menerima atau tidak sesuatu perubahan.

Kakitangan KHEU sewajarnya mempertingkatkan kompetensi diri sebagai ‘dai’e’ dengan melakukan inisiatif mereka sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada Ketua Jabatan mahupun pegawai-pegawai yang ditugaskan. Inisiatif dakwah perlu digerakkan dalam kalangan mereka sendiri kerana setiap individu mempunyai keistimewaan dan kepakaran yang berbeza. Tegasnya, tenaga dan komitmen setiap kakitangan KHEU dalam melakukan perkara yang betul dalam suasana persekitaran kerja yang menyokong perubahan (pelaksanaan konsep Negara Zikir di KHEU) adalah perlu bagi

memastikan kejayaan pelaksanaan Negara Zikir di setiap organisasi. Justeru, perubahan ke arah kebaikan di setiap organisasi tidak akan bertahan seandainya tidak dibantu dengan penglibatan semua individu tanpa mengira jawatan, gender, tangga gaji dan sebagainya.

Selain itu, bagi mempertingkatkan keprihatinan individu dalam melaksanakan perubahan dalam sesuatu organisasi, pihak Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai pelaksana yang diamanahkan melakukan sesuatu tanggungjawab perlu memantau, menilai serta membuat penambahbaikan aspek pembangunan profesionalisme setiap kakitangan awam (Mohd Mazhan 2013). Hal ini boleh dilaksanakan dengan cara mewujudkan jalinan kolaborasi antara kakitangan KHEU daripada setiap bahagian. Faktor ini penting bagi aktiviti pembelajaran berkualiti dan saling memberi sokongan. Pendekatan dan Strategi Dakwah

Islam menggalakkan setiap individu muslim berdakwah antara satu sama lain ke arah kebaikan. Malah agama Islam sendiri berkembang melalui usaha dakwah. Dakwah memainkan peranan yang besar dalam melahirkan masyarakat yang beriman, berilmu dan berakhhlak atas dasar takwa demi mencari keredhaan Allah SWT. Kajian mendapati masyarakat menganggap kakitangan KHEU berperanan sebagai agen dakwah untuk menyebarluas pelaksanaan Negara Zikir.

Oleh yang demikian, kakitangan KHEU perlu memainkan peranan sebagai agen dakwah Negara Zikir yang berkesan. Dakwah yang dilakukan perlu meninggalkan kesan yang amat baik kepada masyarakat yang diseru. Antaranya termasuklah; 1) membersihkan iktikad (pegangan tauhid) setiap anggota masyarakat sejajar dengan kehendak Islam. Ia bertujuan menghindarkan masyarakat daripada terjebak dengan perkara tasyul dan khurafat serta ajaran sesat; 2) bertanggungjawab mendorong masyarakat melakukan kebajikan yang dituntut Islam sama ada amalan fardu ataupun sunat. Para pendakwah juga perlu mengemukakan pandangan yang positif untuk merangsang bagi menimbulkan kepercayaan seseorang melakukan amalan kebajikan sempurna; 3) mengukuhkan keperibadian diri melalui fikiran, cara berfikir, bertindak dan juga perasaan serta tanggapan; dan 4) membina hubungan silaturahim dalam masyarakat untuk menjamin kesejahteraan dan ketenteraman bagi mencapai kemajuan bersama.

Tegasnya, dakwah itu bermaksud menggalakkan manusia membuat kebajikan dan mengikut perintah Allah ke arah kebaikan dan meninggalkan kejahanan demi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dalam erti kata yang lebih mendalam, ia merupakan suatu usaha merealisasikan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari baik dari segi kesejahteraan individu, keluarga ataupun masyarakat sebagai cara hidup bersama dalam pembangunan bangsa dan umat manusia bagi mendapat keberkatan Allah.

Tugas menjalankan dakwah adalah suatu kewajipan yang perlu dipikul oleh setiap orang Muslim. Kewajipan tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut garisan-garis ayang telah dianjurkan oleh Islam (Surah al-Nahl 16: 125). Ini kerana masyarakat pada hari ini datang daripada pelbagai lapisan masyarakat. Terdapat tiga golongan masyarakat dakwah secara umumnya. Pertama, golongan cerdik pandai yang cintakan kebenaran dan dapat pula berfikir secara luas dan cepat memahami apa yang didakwahkan. Pendakwah haruslah menghadapi golongan ini dengan hikmah. Jelaskan kepada mereka dengan alasan-alasan, dalil dan hujah yang dapat diterima oleh kekuatan akal fikiran. Kedua, golongan awam iaitu golongan orang kebanyakan yang belum dapat berfikir secara mendalam dan belum dapat memahami sepenuhnya pengertian yang lebih luas. Mereka ini harus dihadapi dengan

contoh pengajaran yang baik untuk mereka fahami. Ketiga; golongan pertengahan iaitu golongan kecerdasan antara golongan pertama dan kedua. Mereka ini suka membahas yang tertentu tetapi tidak mendalam. Mereka ini hendaklah dihadapi dengan perbincangan, bertukar pendapat untuk mendorong supaya mereka berfikir secara sihat dan lebih baik.

Oleh itu, kajian ini mendapati adalah lebih baik KHEU menubuhkan suatu skuad dakwah berbentuk sukarelawan yang dilatih dalam bentuk metod dakwah terkini untuk berhadapan dengan tiga golongan sasaran dakwah di atas. Skuad ini boleh dibimbing untuk menjalankan kerja-kerja dakwah secara formal seperti menyampaikan kuliah, kelas bimbingan atau ceramah keagamaan ataupun dalam bentuk non formal iaitu berdakwah melalui alam maya seperti menjelaskan kepada nitizen (pengguna ruang maya) sama ada di facebook, twiter, blog dan sebagainya. Hal ini diakui oleh responden 4 dalam sesi temubual yang menyebut seperti berikut:

*“Kalau dari segi saranan barangkali err usaha secara berterusan patut kitani laksanakan bukan sahaja ia melibatkan kelompok-kelompok yang khusus tapi perlu dilibatkan masyarakat ni secara umumnya dan ia perlu dilaksanakan secara anulah komprehensif dan jua berterusan istiqamah tanpa bermusim-musim dan ia melibatkan apa ni sasaran yang lebih luas dan dari segi... teknologi yang ada pada masa ini seharusnya kita ni manfaatkan jua untuk memasukkan elemen-elemen Negara Zikir ini umpamanya dari penggunaan instagram, Facebook, kemudian whattapp dan sebagainya jadi jangkauan itu lebih banyak dan kemudiannya ia lebih cepat dan kitani buat secara rutin supaya ianya dapat menarik minat dan di samping itu teknologi youtube dan sebagainya...di ceramah-ceramah yang berbentuk yang menyokong gagasan Negara Zikir ini lebih banyak dan jua bahan-bahan bacaan dan rujukan ini ditambah lagi dan dikemaskini la tu bukan saja berpandukan yang sedia ada tapi mungkin pandangan-pandangan daripada generasi baru bagi mengukuh Negara Zikir juga perlu diambil kira supaya lebih mudah ia memenuhi citarasa generasi yang ada pada masa ini dengan sendirinya dapat mudah dikukuhkan...pemahaman”(R4)*

Dakwah juga merupakan satu gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada kufur kepada iman, daripada kegelapan kepada cahaya dan daripada baik kepada yang lebih baik. Ia perlu disampaikan dengan sifat menjinakkan diri umat terhadap golongan ulama agar semua dakwah dapat disampaikan dengan baik. Pendekatan dakwah ‘bil hal wa al-hikmah’ perlu merangkumi 3 elemen yang boleh mempengaruhi tindakan seseorang iaitu pemikiran, jiwa dan fizikal manusia. Oleh itu, pihak berkuasa agama perlu merangka strategi pemikiran, jiwa dan fizikal manusia dalam setiap aktiviti dakwah. Antara cadangan yang diutarakan oleh responden adalah:

*...Menyampaikan ceramah ugama di semua sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di semua peringkat rendah, menengah dan institusi tinggi sesuai dan selaras dengan gagasan negara Zikir dan wujudkan program dan aktiviti yang berimpak kerohanian setiap hari agar menyuburkan lagi spiritual masyarakat khusus bagi golongan belia dan warga emas di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara di samping dapat memakmurkan masjid Allah seperti qiamullail, membaca al-Qur'an, mendengar tazkirah, wirid zikir dan membaca Ratib al-'Attas. (R5) Kesimpulannya, seseorang pendakwah atau agen dakwah hendaklah memiliki akhlak yang baik dan lemah-lembut. Ini kerana seseorang yang didakwahkan tidak hanya akan melihat kepada kefasihan pendakwah bercakap dan keindahan bahasa yang digunakan malah akhlak, budi pekertiya memberi kepercayaan kepada masyarakat untuk menerima setiap apa yang didakwahkan. Pendakwah juga perlu memiliki daya keimanan dan ketakwaan*

*yang tinggi terhadap Allah s.w.t kerana ketakwaan terhadap Allah menambahkan keimanan dan keperibadian ikhlas terhadap apa yang didakwahkan. Seseorang pendakwah juga perlu melengkapkan diri dengan segala perintah Allah di samping memperbanyakkan amalan sunat yang dituntut dalam Islam kerana dakwah adalah manifestasi amanah terhadap dirinya dan Allah. Bahkan dakwah Islamiah tidak akan dapat berjalan dengan baik dan tercapai segala tujuan sucinya sekiranya medan yang diperjuangkan itu terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pancaindera yang baik dan akal fikiran yang waras tetapi di sebaliknya mempunyai hati yang tidak mahu tunduk menerima hidayah Allah dan tunduk kepada kekuasaan Allah.*

### **Memperkasa Sistem Pendidikan dan Institusi Kekeluargaan**

Isu gejala seperti yang dibincangkan dalam bab terdahulu perlu mendapat perhatian yang serius oleh pihak kerajaan dan KHEU dan memerlukan tindakan berstategik bagi menanganinya keran jika dibiarkan boleh membantutkan usaha pelaksanaan Negara Zikir. Jika diperhalusi dan diteliti terdapat banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan berlakunya gejala sosial dalam kalangan masyarakat. Institusi keluarga menjadi salah satu faktor penyumbang yang besar kepada permasalahan kebejatan sosial hari ini. Faktor ibu bapa perlu difokuskan memandangkan mereka merupakan agen sosialisasi yang terpenting yang boleh mempengaruhi sikap dan mentaliti anak-anak. Mereka juga merupakan agen pembelajaran pertama yang memberikan pendidikan.

Ibu bapa perlu memberikan pendidikan keagamaan dan kerohanian yang secukupnya kepada anak-anak mereka. Anak-anak yang hanya memiliki akademik sahaja pendidikan kerohanian akan menyebabkan jiwa mereka tandus dan memudahkan mereka terjebak ke dalam melakukan aktiviti yang tidak baik. Hal ini diakui oleh responden 3 dalam sesi temubual yang mennyebut; -

*“...menerapkan kesedaran berugama terhadap setiap individu, keluarga masyarakat dan negara dengan adanya kesedaran akan menjadikannya sebagai amalan yang sentiasa tertanam di hati dan bukannya sebagai suatu kebiasaan yang sifatnya hanya sementara dan bermusim. Dengan itu, Insha Allah kesejahteraan dan kemakmuran negara ini akan terus dipelihara kerana keamanan dan kesejahteraan bernegara itu akan lebih berkesan apabila penghuni di sesebuah negara itu sentiasa mengingati Allah s.w.t dengan meperbanyakkan zikrullah. Mudah-mudahan melalui amalan-amalan tersebut negara kita akan sentiasa dalam keadaan yang aman damai dan dapat menjana kesejahteraan serta terhindar dari segala bencana, musibah dan malapetaka” (R3)*

Selain itu, faktor pendidikan juga perlu diambil kira.

*“...di sini saya hanya satu sahaja, saranannya ada banyak mungkin banyak lagi saranan lain nanti difikir tapi mudah-mudahan saranan ini bermanfaat iaitu melalui pendidikan. Pendidikan yang sistemnya betul-betul seperti mana yang dikehendaki syarak. Cukup dengan ilmu fardhu ain, fardhu kifayah, ilmu usuluddin dimantapkan, akidah ya mantap tu. Perlu betul-betul dimantapkanlah. Kemudian ilmu tasawuf, akhlak, tasawuf bukan yang mendalam-dalam itu... tetapi memadai menghalusi akhlak anak-anak kitani err umat Islam. Kemudian ilmu syariah, ibadahnya, muamalahnya betul-betul cukup dan di samping itu tidak membiarkan ilmu biasa ini; ilmu sains, matematik, fizik, yang biasabiasa itu, untuk manfaat dunia diajar penting juga bagi mencapai keseimbangan hidup, untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat seperti mana mana doa :*

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَدَّا عَذَابَ النَّارِ

Ertinya : Ya Rabb kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan hindarilah kami dari seksa api neraka." Jadi dengan keseimbangan hidup dunia dan akhirat yang menjadi matlamat kitani dan mogamoga dengan pelaksanaan Negara Zikir kita akan mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. (R1)

## 5.0 PENUTUP

Rumusannya, semua warga negara secara individu dan berkelompok mestalah sama-sama memahami karekteristik Negara Zikir dari segi fundamental dan ruang lingkupnya agar pelaksanaan NZ dapat dijalankan secara jayanya. Pemahaman yang jelas terhadap ciri-ciri negara zikir dalam kalangan kakitangan awam dapat membantu merealisasikan hasrat pelaksanaan gagasan negara zikir. Ia sebenarnya didokong oleh pegangan kepada ajaran Ahl Sunnah Waljama'ah dengan bermazhabkan Syafi'i. Penghayatan falsafah MIB mampu merealisasikan sebuah 'Negara Zikir' yang masyarakatnya sentiasa mengingati dan mengagungkan Allah dalam semua keadaan dan sekali gus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam dan isiannya menjadi 'Baladun Tayyibatu wa Rabbun Ghafur' dan sebagai sebuah negara makmur yang mendapat keampunan Allah.

## RUJUKAN

Al-Quran

Abdul Aziz Juned. (Pehin tuan Imam Dato Paduka Seri Setia). 1987. Kedudukan Agama Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. BERIGA, Bil. 16. Julai-September.

Ab. Halim Tamuri. 2011. Memperkasa Penguasaan dan Penghayatan Al-Quran dan Fardu cAin. Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan Islam Kali- 1. Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. 30 November- 1 Disember.

Al-Qardhawi, Yusuf. 1996. Wawasan Islam: Antara Keaslian dan Kemodenan. Terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Awang Abdul Aziz Juned. 1968. Buku Kenangan Berpuspa: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei Menempuh Perubahan Pesat. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Awang Haji Abdul Aziz Haji Akop. 2018. Kefahaman dan Penghayatan Konsep Negara Zikir. Majlis Ugama Islam KHEU, Brunei Darussalam. Temu bual 16 Oktober.

Awang Haji Abdul Rajid Haji Mohd Salleh. 2018. Kefahaman dan Penghayatan Konsep Negara Zikir. Pusat Dakwah Islamiah KHEU, Brunei Darussalam. 24 Oktober.

Awang Haji Amir Haji Masri. 2018. Kefahaman dan Penghayatan Konsep Negara Zikir. Jabatan Hal Ehwal Masjid KHEU, Brunei Darussalam. Temu bual 20 Oktober.

Awang Haji Saharuddin Haji Patra 2018. Kefahaman dan Penghayatan Konsep Negara Zikir. Jabatan Hal Ehwal Syarie KHEU, Brunei Darussalam. Temu bual 17 Oktober.

Awang Haji Shamsul Haji Omar. 2018. Kefahaman dan Penghayatan Konsep Negara Zikir. Jabatan Pengajian Islam KHEU, Brunei Darussalam. Temu bual 8 Oktober .

- Mohd Mazhan Tamyis. 2013. Tahap keprihatinan guru j-QAF dalam inovasi program pemulihan Jawi sekolah rendah. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awg. Abdul Aziz Awg. Juned. 1992. Islam Di Brunei. Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah.
- Jaffary Awang. 2009. Pendekatan Islam Hadhari ke arah memperkasa identiti melayu-muslim. Jurnal Islam Hadhari. Institute of Islam Hadhari. UKM. Bil 1 : 99-116.
- Juned Abdul Aziz. 2008. Negara Zikir. Kertas Perdana Seminar Majlis Ilmu.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. 1988. Laporan Tahunan. Negara Brunei Darussalam.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. 2001. Perkembangan Islam Di Brunei, Satu Catatan Ringkas Bergambar. Brunei Darussalam: Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama. 2009. Perangkaan Utama Kementerian Hal Ugama. Seksyen Kajian dan Perancangan Bahagian Dasar: Perancang dan Penyelidik. Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Masuriyati Yahya dan Che Zarrina Sa'ari. 2016. Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam dlm. GJAT vol 6 Issue 1.
- Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya. 2014. Terbitan Pertama, Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah. Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Negeri Brunei, Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955.
- Nouman Ali Khan. 2015. Inspirasi Khutbah Nouman Ali Khan. Shah Alam; Grup Buku Krangkraf Sdn. Bhd.
- Pg. Hj. Mohammad Pg. Hj. Abd. Rahman. 2005. Islam Di Brunei. Brunei Darussalam: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pg. Hj. Mohammad Pg. Hj. Abd. Rahman. 2007. Islam Di Brunei Zaman British (1774- 1984). Brunei Darussalam: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pg. Hj. Mohammad Pg. Hj. Abd. Rahman. 2008, Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan. Kertas Kerja Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008.
- Unit Penerbitan dan Percetakan, Bahagian Kajian dan Penerbitan Pusat Dakwah Islamiah. 2009. Kedewasaan Bernegara Zikir. Cetakan Pertama. Brunei Darussalam: Terbitan (PDI) Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Titah KDYMM Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. 1984. Sempena Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. 1 Januari 1984.
- Titah KDYMM Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. 2007/1428. Sempena Sambutan Hari Raya ^Aid Al-Adha. 19 Disember/9 Zulhijjah.
- Titah Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984.
- Unit Penerbitan dan Percetakan, Bahagian Kajian dan Penerbitan Pusat Dakwah Islamiah 2008. Zikir Menjana Negara Sejahtera. Cetakan Pertama. Brunei Darussalam: Terbitan (PDI) Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Unit Penyelidikan, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah. 2011. Statistik Tapisan Kesalahan Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (2007- 02011). Negara Brunei Darussalam.
- Yahya bin Hj Ibrahim. 1977. Sekitar Agama Rasmi. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.